

22/04/1998

Persidangan dapat sambutan menggalakkan

PERSIDANGAN dan Pameran Infotech/ITX'95 di Pusat Dagangan Dunia Putra pada 1 hingga 5 November 1995, dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Bertemakan Lebuhraya Maklumat Kebangsaan dan Aplikasi Multimedia - Kesepakatan Kebangsaan Dalam Pembangunan Program dan Polisi, mendapat sambutan menggalakkan dari semua golongan masyarakat dan profesional.

Kira-kira 600 pakar teknologi maklumat dan bukan teknologi maklumat dari dalam dan luar negara menghadiri persidangan itu.

Mereka membincang dan membentangkan isu teknologi maklumat untuk memberi input kepada Majlis Teknologi Maklumat Negara (NITC) dalam usaha menggubal dasar dan Pelan Tindakan Teknologi Maklumat Negara.

Manakala Pameran ITX'95 yang berlangsung serentak mencatat sejarah apabila menerima kunjungan 60,000 pelawat, melebihi jangkauan penganjur, iaitu 45,000 pengunjung.

Ruang pameran yang dibuka pada hari pertama dan kedua untuk golongan profesional dan ahli perniagaan telah menerima 11,000 pengunjung dan jumlah itu meningkat dua kali ganda apabila dibuka kepada orang awam.

Sambutan yang menggalakkan itu berikutan beberapa faktor utama termasuk pelbagai intensif yang diberikan oleh kerajaan seperti penghapusan cukai bagi menjadikan perkakasan dan perisian komputer lebih murah.

Persidangan dan Pameran Infotech/ITX'96 pada 18 hingga 22 Disember, 1996 juga dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Tema yang dipilih ialah Ke Arah Masyarakat Bermaklumat - Mewujudkan Persekitaran Untuk Perubahan, yang mengupas Pelan Tindakan Teknologi (IT) Maklumat Kebangsaan dalam pembangunan IT Malaysia terutama ke arah menghasilkan aplikasi multimedia dan lebuhraya maklumat kebangsaan.

Persidangan dengan format baru itu dihadiri kira-kira 1,000 profesional bidang IT dan bukan IT, membolehkan mereka lebih banyak berinteraksi dan menyertai perbincangan.

Format ini membolehkan lebih banyak maklumat dan maklum balas peserta untuk membentuk formula dan pelan tindakan membentuk masyarakat kaya maklumat termasuk mewujudkan persekitaran ekonomi digital dan mempromosikan Koridor Raya Multimedia (MSC).

Kejayaan Malaysia merencanakan pelaksanaan rancangan IT, dapat membuka mata negara lain untuk mencontohi perkara yang sama.

Antara pembentang kertas kerja termasuk pegawai kanan kerajaan, menteri yang memberi penerangan mengenai isu telekomunikasi, pendidikan, Lebuhraya Maklumat Kebangsaan, pembangunan teknologi, pembangunan sumber manusia dan undang-undang siber.

Manakala pameran ITX'96 yang berlangsung serentak, disertai kira-kira 150 organisasi IT tempatan dan antarabangsa.

Antara kelainan pameran itu ialah persekitaran bersimulasi yang dicipta khas untuk pengunjung bagi menghargai sistem rangkaian setempat (LAN) berkelajuan tinggi.

Kira-kira 40,000 pengunjung menghadiri pameran itu sebagaimana yang dijangkakan oleh pihak penganjur.

Pameran itu juga telah dijadikan sebagai platform untuk mencari rakan niaga, pelabur dan profesional serta meletakkan negara sebagai hub IT di rantau ini.

Selain itu anugerah juga disediakan untuk organisasi terbabit seperti ruang pameran terbaik, kreativiti dalam hiasan dan tema paling menarik.

Persidangan tidak diadakan pada 1997 kerana jadual ketat program seumpamanya di negara kita.

(END)